

17/08/1998

Kerjasama, muafakat jamin kemenangan BN

Lichong Angkui

"BARISAN Nasional (BN) hanya boleh dikalahkan oleh BN. Orang lain tak boleh mengalahkan BN. Kalau BN bersatu padu dan bekerjasama, tak ada masalah." Itulah jawapan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada sidang akhbar sebelum berlepas pulang selepas menamatkan lawatan dua hari ke Sabah, petang kelmarin.

Perdana Menteri ditanya mengenai peluang BN mengekalkan pemerintahan di Sabah pada pilihan raya negeri akan datang.

Jawapan itu sebenarnya mesej terpenting yang perlu dihayati oleh pimpinan BN Sabah yang mewakili sembilan parti gabungan, dalam menghadapi senario politik negeri itu. Mesej berkenaan membawa rumusan pentingnya dipupuk kerjasama, muafakat, persefahaman dan semangat perkongsian kuasa antara satu sama lain.

Tanpa adanya kerjasama, tentunya sukar bagi BN menghadapi cabaran politik, apa lagi di Sabah situasinya sentiasa sukar diramalkan. Peribahasa Melayu 'Bersatu teguh, bercerai roboh' perlu dijadikan iktibar dan pedoman bagi BN sambil menoleh sejarah politik Sabah sendiri sebelum ini yang penuh dengan pelbagai ketidakpastian.

Oleh itu, dalam era menghadapi pilihan raya negeri sekarang, lawatan Perdana Menteri dianggap penting serta memberi keyakinan baru kepada rakyat Sabah dalam mengharungi cabaran mendatang. Sekali pun Dr Mahathir tidak membayangkan bila pilihan raya negeri diadakan (tempohnya akan berakhir pada Mac tahun depan), amanatdiberikan itu tidak sukar untuk ditafsirkan - perkukuh dan permantapkan benteng pertahanan BN terlebih dulu supaya tiada masalah dihadapi.

Sebab itulah juga dalam ucapannya ketika merasmikan persidangan perwakilan Parti Demokratik Sabah (PDS) keempat pada petang Jumaat lalu, Dr Mahathir memberi penekanan mengenai pentingnya kerjasama sedemikian dijalin dalam gabungan komponen BN.

Menurut Perdana Menteri, musuh sebenar BN yang boleh menewaskannya dalam pilihan raya bukan pembangkang, tetapi parti komponennya sendiri.

Menghayati kenyataan dan intipati ucapan Perdana Menteri dalam beberapa acara yang dihadiri sepanjang di Kota Kinabalu pada Jumaat dan Sabtu lalu, adalah penting bagi komponen BN mencari formula terbaik memperteguhkan barisan kepimpinan di semua peringkat.

Selain Umno sebagai tunjang utama, BN Sabah turut dianggotai Parti Demokratik Sabah (PDS), Parti Maju Sabah (SAPP), Angkatan Keadilan Rakyat Bersatu (Akar), Parti Bersatu Rakyat Sabah (PBRs), Parti Liberal Demokratik (LDP), Gerakan, MCA dan MIC.

Keadaan sekarang mungkin agak kritikal kerana penggal pemerintahan kerajaan akan berakhir dalam tempoh kira-kira tujuh bulan lagi, yang bermakna pilihan raya negeri boleh diadakan pada bila-bila masa sekarang.

Dari segi kekuatan, kedudukan BN dalam Dewan Undangan Negeri (DUN) Sabah amat meyakinkan. Ia menguasai 46 daripada 54 kerusi manakala selebihnya dimiliki pembangkang, Parti Bersatu Sabah (PBS).

Jumlah terbanyak kerusi BN dimiliki Umno iaitu 23, diikuti PDS (11), SAPP (enam), Akar (tiga), PBRs (dua) dan MCA (satu).

Penganalisis politik berpendapat komposisi yang dimiliki BN sekarang tidak boleh dijadikan sandaran kekuatan kerana sebahagian daripada Adun berkenaan melompat daripada PBS selepas pilihan raya negeri yang penuh kontroversi pada 1994 lalu.

Dengan mengambil kira senario politik Sabah yang sukar diramalkan, maka

mesej yang disampaikan Dr Mahathir itu tidak boleh dipandang ringan. BN Sabah yang dipimpin Ketua Menteri, Tan Sri Bernard Dompok dan Pengerusi Badan Perhubungan Umno negeri, Datuk Osu Sukam, serta pimpinan parti komponen lain semestinya kerap duduk berunding mengenai pelbagai isu politik yang melingkari persada politik negeri. Menerusi perundingan yang kerap, segala masalah yang mungkin dianggap remeh-temeh tetapi mempunyai implikasi serius, boleh dicari jalan penyelesaian.

Banyak isu setempat perlu ditangani sebaik mungkin supaya BN tidak terperangkap dalam kemelut yang akhirnya merugikan. Pengagihan kerusi dan pemilihan calon umpamanya adalah dua isu penting yang tidak boleh diketepikan. Ini kerana ada ura-ura parti komponen mahu bertanding di kawasan baru, manakala pemimpin dalam parti komponen beralih kerusi untuk ditandingi. Semua ini mungkin dilihat kecil secara luaran, tetapi kesannya di peringkat akar umbi mungkin parah.

Ketika ini pun sudah ada kedengaran pertelingkahan menerusi media massa mengenai kerusi Kalabakan di kalangan dua parti komponen. Begitu juga wakil rakyat sedia ada yang kehilangan kerusi menerusi persempadanan baru kawasan pilihan raya, mesti ada mekanisme penyelesaian. Jika tidak, ia mungkin menimbulkan masalah sekali pun sesebuah parti itu dianggap kumpulan minoriti. Menerusi konsep BN yang berlandaskan semangat perkongsian kuasa, semua pihak ada tempat masing-masing. Justeru setiap masalah berbangkit perlu diselesaikan dengan baik - umpama menarik benang dalam tepung.

Bagi Umno pula, cabaran dalam pilihan raya negeri akan datang sememangnya berat. Bukan saja fungsinya sebagai kuasa majoriti dalam komponen BN, tetapi lebih penting membuktikan ia sebagai tunjang parti yang mendapat sokongan rakyat Sabah secara mutlak. Ini selaras matlamat menjadikan Umno sebagai platform terbaik perjuangan Bumiputera di negeri itu.

Seperti juga diterangkan Perdana Menteri, kehadiran Umno ke Sabah semata-mata untuk berganding bahu bersama parti komponen BN bagi menjaga kepentingan dan memastikan kemajuan rakyat pelbagai kaum. Umno tidak berniat menubuhkan kerajaan Melayu/Islam di Sabah kerana ia bukan matlamatnya apabila mengembangkan sayapnya ke negeri ini pada 1991.

Hakikatnya, setiap parti komponen BN di Sabah perlu melupakan sebarang kepentingan lain selain memastikan kemenangan gabungan itu pada pilihan raya negeri akan datang.

BN Sabah perlu menentukan haluan perjuangan secara efektif untuk rakyat Sabah seluruhnya.

(END)